

PEMBANGUNAN MODAL INSAN HOLISTIK PELAJAR MENERUSI AKTIVITI KOKURIKULUM POLITEKNIK

NurulHaerani Binti Mohamad
Ahmad Bin Esa, Ph.D
Universiti Tun Hussein OnnMalaysia
haeranimohamad@gmail.com
ahmad@uthm.edu.my

Abstrak - Pembangunan Holistik Pelajar (HSD) menerusi Projek Agenda Kritikal (CAP) memfokuskan kepada pembangunan sahsiah pelajar IPT bagi menghasilkan graduan atau modal insan yang seimbang sama ada dari segi keterampilan, bersemangat patriotik, berdisiplin dan bernilai murni ke arah pembentukan modal insan negara yang mempunyai personaliti unggul (towering personality) dan holistik. Dalam eko-sistem pendidikan dan latihan teknik dan vokasional, Politeknik manyumbang aktif bagi memastikan aspirasi pembangunan negara dalam HSD menerusi kurikulum dan kokurikulum. Walaubagaimanapun, ramai pihak beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa berbanding kegiatan yang melibatkan akademik. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor-faktor dominan yang menyumbang kepada HSD sepanjang proses pelaksanaan aktiviti kokurikulum politeknik masa kini dan meninjau kesan-kesan aktiviti kokurikulum terhadap HSD. Reka bentuk kajian yang akan digunakan adalah secara deskriptif tinjauan dengan menggunakan instrumen analisis dokumen, temu bual dan borang soal selidik. Responden adalah terdiri daripada 335 orang pelajar tahun dua serta 80 orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Politeknik Premier. Data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package of Social Science (SPSS) versi 20.0.

Kata kunci – Modal insan, Holistik, Produktiviti, Politeknik

1.0 PENGENALAN

Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan dunia global yang sering berubah-ubah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Modal insan yang berkualiti merupakan elemen paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional. Modal insan berkualiti juga adalah antara faktor terpenting dalam memastikan Malaysia mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), tumpuan yang besar diberikan dalam usaha membangunkan modal insan yang holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta memiliki sikap, nilai dan etika yang positif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat (Kerajaan Malaysia, 2006). Manakala Pelan Strategik Pengajian Tinggi Kebangsaan (PSPTK) 2007-2010 yang telah dilancarkan bertujuan untuk mentransformasikan sektor pengajian tinggi negara menghasilkan modal insan kelas pertama serta membangunkan institusi pengajian tinggi bertaraf dunia (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007).

Pembangunan holistik pelajar (HSD) adalah salah satu daripada tujuh belas agenda yang dirancang menerusi PSPTN fasa dua iaitu fasa peningkatan dan pemeraksanaan (2011–2015). Kesungguhan untuk membangunkan modal insan jelas dizahirkan melalui kandungan strategi bajet negara. Pendidikan berkualiti akan memastikan para pelajar terus kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa. Selain itu para pelajar juga mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat lebih-lebih lagi dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan, serta bertunjangan sains dan teknologi. Ekspektasi majikan dan cabaran pekerjaan yang semakin meningkat, graduan perlu memiliki bukan sahaja kelayakan akademik tetapi kebolehan dan kemahiran yang memberikan nilai tambah yang mampu menarik minat majikan (Said, 2006).

Menurut Jarvis & Parker (2005), 'Holistik' dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pemantapan kemahiran sahaja, malah turut merangkumi aspek pembangunan minda, spiritual, sahsiah dan etika. Dengan kata lain, pembangunan modal insan turut memberi tumpuan kepada aspek "keinsanan" yang terbina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dokongan moral. Modal insan dengan ciri-ciri tersebut memenuhi keperluan untuk membolehkan transformasi dan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia berlaku secara lebih berstruktur.

Menurut Yassin (2014), pembangunan modal insan yang terancang akan melahirkan tenaga kerja berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi. Namun, holistik dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pemantapan kemahiran sahaja. Tetapi ia merangkumi aspek pembangunan minda, rohani, sahsiah dan etika. Ini bermakna dalam proses membangunkan modal

insan, aspek keinsanan yang perlu dibina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dukungan moral adalah menjadi kepentingan.

CAP Pembangunan Holistik Pelajar (HSD) memfokuskan kepada pembangunan sahsiah pelajar IPT bagi menghasilkan graduan atau modal insan yang seimbang sama ada dari segi keterampilan, bersemangat patriotik, berdisiplin dan bernilai murni ke arah pembentukan modal insan negara yang mempunyai personaliti unggul (*towering personality*) dan holistik. Penekanan pelaksanaan diletakkan kepada konteks kokurikulum memandangkan ia mempunyai elemen ilmu praktikal dan ilmu falsafah yang menyokong kepada pembangunan pelajar secara menyeluruh bagi menghasilkan siswazah berkebolehfungsian (FG) yang memenuhi kehendak pasaran dan memiliki daya saing yang tinggi. (Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara, Fasa 2 (2011-2015)).

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk,

- a. Mengenal pasti faktor-faktor dominan yang menyumbang kepada pembangunan modal insan holistik pelajar (HSD) menerusi aktiviti kokurikulum politeknik.
- b. Mengenal pasti kesan-kesan aktiviti kokurikulum terhadap pembangunan modal insan holistik pelajar (HSD) menerusi aktiviti kokurikulum politeknik.
- c. Mengkaji hubungan antara faktor-faktor dominan yang menyumbang kepada pembangunan modal insan holistik pelajar (HSD) terhadap kesan-kesan aktiviti kokurikulum menerusi aktiviti kokurikulum politeknik.
- d. Menghasilkan model kerangka modal insan holistik pelajar (HSD) menerusi aktiviti kokurikulum politeknik.

3.0 KAJIAN KESUSASTERAAN

Gerak kerja kokurikulum sangat penting dalam proses pendidikan dan pembelajaran pelajar kerana ianya dapat mengimbang dan menyepadukan pembentukan diri pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Hal ini sejajar dengan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPK) yang merangkumi tujuan keseluruhan pendidikan Malaysia. Falsafah ini menyatakan bahawa pendidikan merupakan usaha yang berterusan.

“Untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap kerohanian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sumber : Akta Pendidikan (1996)

Hal ini menunjukkan bahawa matlamat yang penting dalam pendidikan Malaysia ialah pembangunan modal insan dalam menyediakan tenaga kerja yang berkeترampilan dan berupaya menghadapi cabaran masa depan. Hal ini juga telah diperkatakan, dimana tujuan pendidikan adalah untuk pembangunan sahsiah dan membentuk keupayaan pelajar secara holistik melalui pembelajaran kemahiran khusus, merealisasikan keupayaan intelektual, fizikal dan kerohanian serta melahirkan modal insan yang cemerlang (Pelan tindakan pengajian tinggi negara, 2007-2010).

Hal ini juga disokong oleh Dora, Kudus, Hassan & Ali (2008), pembentukan modal insan merupakan satu usaha ke arah melahirkan insan mahasiswa yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jatidiri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan yang sewajarnya. Pembentukan modal insan ini mempunyai tujuan pendidikan yang tersendiri hal ini adalah untuk pembangunan sahsiah dan membentuk keupayaan pelajar secara holistik melalui pembelajaran kemahiran khusus, merealisasikan keupayaan intelektual, fizikal dan kerohanian serta melahirkan modal insan yang cemerlang.

“Pembangunan modal insan yang berkualiti akan diperluas. Pendekatan perlu bercorak holistik dan memberi penekanan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran, modal intelektual di dalam bidang seperti sains, teknologi dan keusahawanan. Pada masa yang sama, kita mesti membangunkan satu budaya yang progresif, diiringi nilai-nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dimaksudkan dengan modal insan mentaliti kelas pertama.”

Sumber : Ucaptama Tun Dr Mahathir Mohamad (2006)

Pelaksanaan gerak kerja kokurikulum dapat melahirkan iklim dan budaya yang lebih ceria, menyeronokkan dan meninggalkan kesan positif dalam kalangan pelajar (Wee Eng Hoe, 1999). Dalam Bajet 2008 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi ada menyatakan penyertaan pelajar secara aktif dalam kegiatan kokurikulum seperti badan beruniform, persatuan dan kelab serta sukan, adalah penting dalam membantu pembentukan sahsiah dan membina kualiti kepimpinan pelajar. Malah bagi memastikan bahawa setiap pelajar mendapat peluang untuk melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum beruniform, kerajaan memberi sepasang pakaian seragam percuma bagi satu kegiatan kepada pelajar sekolah daripada keluarga yang berpendapatan isi rumah seribu ringgit sebulan dan ke bawah (Abdullah Ahmad Badawi, 2007).

Pembentukan pelajar yang holistik memerlukan penglibatan dalam kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum. Penglibatan dalam program bukan akademik secara tidak langsung dapat mengimarahkan aktiviti kehidupan kampus. Kebanyakan masa diperuntukkan untuk aktiviti pembelajaran sendiri dan kehidupan dalam kampus. Terdapat beberapa faktor yang mendorong penglibatan pelajar kearah kecemerlangan dalam aktiviti di IPT. Antara faktor yang perlu di ambil kira untuk membentuk kecemerlangan pelajar ialah persefahaman antara keperluan dan jangkaan IPT dengan keperluan pelajar. Perkara tersebut melibatkan pembelajaran, perkembangan dan kejayaan mereka (Badusah et al.,

2009). Sehubungan dengan itu IPT wajar menawarkan pelbagai peluang untuk menggalakkan penglibatan pelajar. Kajian oleh Creswell (2003) di Amerika Syarikat mendapati bahawa IPT lebih cenderung memaklumkan jangkaan dan keperluan institusi masing-masing, tetapi kurang memberi penekanan terhadap apa-apa yang diharapkan oleh pelajar daripada institusi mereka. Fenomena yang sama juga mungkin berlaku di Malaysia.

Menurut Mohd Yunus & Kaprawi (2004), terdapat banyak peranan yang boleh diterapkan dalam diri pelajar melalui kokurikulum yang dilaksanakan di IPT. Antara peranan kokurikulum dalam diri pelajar adalah menerapkan ciri-ciri pemimpin di dalam diri seorang pelajar, menguasai kemahiran komunikasi, kemahiran sosial, disiplin, kemahiran bekerja dalam kumpulan, pelajar bermotivasi dan sebagainya.


4.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam eko-sistem pendidikan dan latihan teknik dan vokasional, Politeknik manyumbang aktif dalam memastikan aspirasi pembangunan negara tercapai. Bagi merialisasikan agenda negara, Transformasi Politeknik serta Pembangunan Holistik Pelajar (HSD) mendukung agenda-agenda besar negara melalui inisiatif yang dilakukan mengikut fasa. Walaubagaimanapun, ramai pihak beranggapan kegiatan kokurikulum tidak penting dan banyak membuang masa berbanding kegiatan yang melibatkan akademik. Halangan penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dibebankan lagi dengan pengendalian program-program yang tidak sempurna. Sebagai contoh, terdapat aktiviti pada hari kokurikulum hanya dikendalikan oleh kumpulan pelajar yang sememangnya kurang berpengalaman tanpa pemantauan dari tenaga pengajar. Kesannya pelajar sekolah tidak berminat untuk melibatkan diri. Menurut Adnan (1990) walaupun sumbangan aktiviti kokurikulum kepada pendidikan diakui, tetapi konsepnya masih kurang difahami hingga ada yang masih lagi menganggap bahawa kokurikulum sebagai kegiatan luar.

5.0 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji faktor-faktor dominan yang menyumbang kepada pembangunan holistik pelajar (HSD) sepanjang proses pelaksanaan aktiviti kokurikulum politeknik masa kini. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan bagi meninjau kesan-kesan aktiviti kokurikulum yang disertai para pelajar politeknik dalam menggalakkan kemajuan HSD. Kajian turut dijalankan untuk mengenal pasti hubungan faktor-faktor dominan terhadap kesan yang dihadapi dalam melahirkan modal insan yang bersifat holistik. Di akhir kajian, pengkaji ingin menghasilkan model kerangka pembangunan holistik pelajar (HSD) menerusi aktiviti-aktiviti kokurikulum di politeknik bagi memperkasakan lagi Projek Agenda Kritikal (CAP) menerusi Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Fasa Dua (2011-2015).

6.0 KERANGKA KONSEP KAJIAN



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian (Huitt, 1995)


7.0 TEORI KAJIAN

a) Teori Kepelbagaian Kebijaksanaan (Multiple Intelligence)

Teori ini diperkenalkan Howard Gardner (1983) menerusi bukunya yang bertajuk *Frames of Mind*. Menurut Gardner, setiap orang memiliki lapan kecerdasan yang pelbagai iaitu cara dimana individu memberi reaksi dalam cara yang berbeza terhadap jenis kandungan yang berbeza (Rajah 1.2). Teori ini mempunyai pengaruh signifikan dalam pendidikan serta membawa kesan penting pembelajaran organisasi. Gardner mengatakan bahawa pendidikan tradisional dengan proses pengujian tradisional (ujian IQ) telah mengabaikan kecerdasan pelbagai manusia. Menurut beliau, kebanyakan ujian IQ hanya mengukur kebolehan verbal atau bahasa dan pemikiran logical atau matematik. Kemahiran lain seperti sosial, interpersonal dan emosi yang membolehkan manusia berfungsi dengan berkesan telah dikesualikan daripada ujian IQ tradisional.

Teori ini mendasari dua prinsip asas iaitu manusia mempunyai kecerdasan yang pelbagai dan semua orang dapat mengembangkan kesemua kecerdasan ini ke satu tahap yang kompeten (Robert, 2006). Teori ini hasil daripada kajian beliau yang dijalankan terhadap pelbagai lapisan masyarakat yang mempunyai pelbagai kriteria tersendiri dalam kalangan kanak-kanak biasa dan kanak-kanak istimewa. Menurut Gardner (2000), kecerdasan tidak boleh diwarisi semata-mata dan kecerdasan boleh dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan lain-

lain. Teori ini lebih kepada aspek kognitif dan perkembangan psikologi, antropologi dan sosiologi dalam menjelaskan kecerdasan manusia.



Rajah 1.2: Model Pelbagai Kebijaksanaan (Garner, 1983).

Pendapat yang dikemukakan oleh Gardner menunjukkan bahawa kecerdasan seseorang dapat ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan. Menurut Gardner, setiap individu mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza kecerdasan dan kecerdasan tersebut boleh ditingkatkan dengan pendidikan melalui aktiviti yang bersesuaian. Dalam konteks pendidikan guru memainkan peranan penting untuk merancang aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memenuhi keperluan kecerdasan iaitu yang terdiri daripada sembilan kecerdasan yang diperkenalkan oleh Gardner.

7.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian deskriptif berbentuk tinjauan bertujuan yang melibatkan pelajar diploma dan pensyarah bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrik di politeknik. Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia (2012) menganggarkan jumlah pelajar kejuruteraan peringkat diploma di politeknik mencapai 2362 orang, manakala jumlah pensyarah Kejuruteraan pula seramai 94 orang. Berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1976), jumlah sampel untuk kajian ini adalah seperti Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Jumlah populasi dan sampel kajian.


Pelajar politeknik		Pensyarah politeknik	
Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
2362	335	94	80

Berdasarkan Jadual di atas, jumlah sampel untuk pelajar adalah seramai 335 orang daripada jumlah populasi ketiga-tiga buah politeknik iaitu seramai 2362 orang dan seramai 80 orang pensyarah terpilih dari Politeknik Premier iaitu Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Ibrahim Sultan (PIS).

Instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian digunakan dalam mengutip data untuk kajian ini. Soal selidik merupakan instrumen utama dalam kajian ini, manakala kaedah temu bual separa berstruktur dan pemerhatian dijalankan untuk menyokong dapatan dari soal selidik. Data dari borang soal selidik di analisis melalui kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi menggunakan perisian SPSS 20.0. Maklumat daripada data transkrip temu bual dan pemerhatian pula dianalisis secara manual menggunakan kaedah analisis kandungan.

8.0 CARTA ALIR KAJIAN

Dalam kajian ini, carta alir yang dibina adalah Rajah 1.3 berikut:



Rajah 1.3 : Carta Alir Kajian

10.0 JANGKAAN DAPATAN KAJIAN

Jangkaan dapatan dalam kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor dominan yang menyumbang kepada Pembangunan Holistik Pelajar (HSD) merangkumi minda, spiritual, sahsiah dan etika yang dimiliki oleh pelajar. Faktor-faktor dominan ini dijangkakan akan memberi impak yang berbeza terhadap para pelajar politeknik yang menyertai aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak Pengajian Politeknik. Melalui analisis data, didapati terhadap hubungan antara faktor-faktor dominan yang menyumbang kepada pembangunan modal insan holistik pelajar (HSD) terhadap kesan-kesan aktiviti kokurikulum menerusi aktiviti kokurikulum politeknik.

Selain itu, hasil daripada analisis kajian ini, satu rangka modul Pembangunan Modal Insan Holistik Pelajar (HSD) menerusi aktiviti kokurikulum politeknik akan dihasilkan bagi memudahkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi Negara serta Jabatan Pengajian Politeknik Malaysia menghasilkan graduan yang berkebolehfungsian (FG) yang memenuhi kehendak pasaran dan memiliki daya saing yang tinggi sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di samping merealisasikan Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa Dua (2011-2015).

11.0 SUMBANGAN HASIL PENYELIDIKAN KEPADA NEGARA

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada Jabatan Pengajian Politeknik terutamanya dalam memperkasakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) fasa dua iaitu pembangunan holistik pelajar (HSD) menerusi aktiviti-aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik. Selain itu, kajian ini diharap dapat memberikan perspektif yang berbeza bagi menghasilkan siswazah berkebolehfungsian (FG) yang memenuhi kehendak pasaran dan memiliki daya saing yang tinggi sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Melalui dapatan hasil kajian yang dijalankan, juga diharap dapat memberi gambaran dalam penambahbaikan kepada pihak Jabatan Pengajian Politeknik dalam usaha menghasilkan graduan atau modal insan yang seimbang sama ada dari segi keterampilan, bersemangat patriotik, berdisiplin dan bernilai murni ke arah pembentukan modal insan negara yang mempunyai personaliti unggul (towering personality) dan holistik seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka di alam pekerjaan.

12.0 KESIMPULAN

Transformasi Politeknik merupakan usaha strategik Jabatan Pengajian Politeknik yang dirangka khas selari dengan tujuh teras Pelan Pembangunan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) serta berkesinambungan dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Kokurikulum merupakan pelengkap kepada agenda-agenda ini dengan melahirkan modal insan holistik yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

13.0 RUJUKAN

- Abdullah Ahmad Badawi (2007). *Ucapan Bajet Tahun 2008*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.12-13.
- Adnan Khamis. (1990). *Sikap pelajar terhadap kegiatan kokurikulum Pergerakan Beruniform. Satu kajian awal*.Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badusah, J., Awang Hashim, R., Konting, M. M., Saundi, T., M. &Yusof, N (2009). *Pembangunan Pelajar: Memperkasakan Kokurikulum Institusi Pengajian Tinggi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- David, L. (2004). *Higher -Order Thinking: The Multiple Intelligence Way*. United Kingdom: Crown House Publishing Limited.
- Dora, M.T., Kudus, N., Hassan, M.A. & Ali, R. (2008). *Kemahiran Insaniah: 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka : Penerbit Universiti UTEM
- Esa, A., Yunos, J.M & Kaprawi, N.(2004). Peranan Kokurikulum Dalam Pembangunan Kemahiran Generik. *Jurnal Sains Sosial: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn*. Bil 1.ms 81-94
- Esa, A. (2007). *Penerapan Kemahiran Generik Menerusi Kokurikulum di Politeknik bagi Memenuhi Keperluan Industri di Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Thesis Ph.D
- Gardner, H. (2006). *Multiple Intelligences: New Horizons*. London: Basic Books.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind.New Horizons*. London: Basic Books.
- Huitt, W. (1995). *A System Model of Teaching/Learning Process*. Valdosta, GA: College of Education, Valdosta State University.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Jarvis, P. & Parker, S. (2005), *Human Learning : An Holistic Approach*. London: Taylor & Francis.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2007: Bab 5 Membangunkan Modal Insan*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang:Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Knight, P. T. & Yorke, M. (2003). *The society for research into higher education: Assessment, learning and employability*. New York: McGraw Hill Education.
- McIntosh, S. (2008). *Education and employment in OECD countries*. Paris: United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
- McQuick, R. W. & Lindsay, C. (2005). The concept of employability [versi elektronik]. *Journal of Urban Study* (42:2), 197 – 219. Dicapai pada Januari 12, 2012 dari <http://strathclyde.academia.edu/ColinLindsay/papers/207712>.
- Mohaney, J. L., Cairos, B.D., Farwer, T.W (2003). Promoting Interpersonal Competencies and Educational Success through Extra-Curricular Activity Participation, *Journal of Educational Psychology*, 95, 409-418.
- Nachiappan, S., Kamaruddin, K., Abd. Shukor, A. A., Jantan, R., Mustapha, R. & Hamzah (2009). *Pembelajaran dan perkembangan pelajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 1 (2007–2010). Mencetus Transformasi Pengajian Tinggi. Dicapai pada 10 Mac 2013 dari <http://www.mohe.gov.my>.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2011–2015). Mencetus Transformasi Pengajian Tinggi. Dicapai pada 10 Mac 2013 dari <http://www.mohe.gov.my>.
- Punch, K. F. (2001). *Developing Effective Research Proposals*. London: Sage.
- Rancangan Malaysia Kesembilan(2006). Kuala Lumpur; Percetakan Nasional Berhad.
- Robert, E. S. (2006). *Educational Psychology : Theory And Practice*. 8th ed. Pearson International Edition.
- Yassin, M. (2013). Keseimbangan Modal Insan Perlu Relevan. *Utusan Online*. Dicapai pada 12 Mei 2013 dari http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130402/dn_02/Keseimbangan-modal-insan-perlu-relevan#ixzz2h0wRHl6J